

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 211 – Pentadbiran Awam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian; Bahagian A (Soalan Pendek) dan Bahagian B (Soalan Esei). Jawab **SEMUA** soalan Bahagian A dan **DUA** soalan Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana halaman kertas soalan.

Sila jawab Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan dan Bahagian B dalam buku jawapan yang disediakan.

Sila tulis nombor-nombor esei yang dijawab di muka hadapan buku jawapan.

Markah ‘0’ akan diberi kepada mana-mana pelajar yang tidak mematuhi arahan di atas.

BAHAGIAN A (40 markah)

Soalan 1: Sila jawab SEMUA soalan berikut dengan ringkas pada ruang yang disediakan.

- (a) Bandingkan:
(i) Teori normatif dengan teori empiris. (10 markah)

- (ii) Kepakaran dengan perhatian.

(10 markah)

- (b) Tuliskan faktor-faktor yang mempengaruhi kelakuan kakitangan awam menurut Simon, Smithburg dan Thompson.

(5 markah)

- (c) Namakan lima strategi kerajaan Malaysia untuk mewujudkan perkhimatan awam yang bersih, cekap dan amanah.

(5 markah)

- (d) Jelaskan definisi objektif pengurusan dan jenisnya.

(5 markah)

- (e) Jelaskan proses pembentukan dasar awam.

(5 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab Soalan 2 (Soalan Wajib) dan mana-mana SATU soalan lain.

Soalan 2

Bincangkan keberkesanan doktrin tanggungjawab menteri secara perseorangan ATAU doktrin tanggungjawab menteri secara bersama dalam konteks Malaysia.

(30 markah)

Soalan 3

Dilema antara isu ‘bilangan kementerian yang sedikit tetapi saiznya besar’ dengan ‘bilangan kementerian yang banyak tetapi saiznya kecil’ dan keberkesanan kementerian sering menimbulkan pelbagai perbahasan. Berikan pendapat anda tentang perkara ini dengan merujuk senario di Malaysia.

(30 markah)

Soalan 4

“The natural sciences are concerned with how things are ... Design, on the other hand, is concerned with how things ought to be, with devising artifacts to attain goals.”

Bincangkan pernyataan Herbert Simon di atas dan kaitannya dengan pentadbiran awam.

(30 markah)